

# 15 kerusi dipertanding dalam pilihanraya KUTKM

Archival News | Utusan Malaysia | 02/01/2002

MELAKA 1 Jan. \_ Sebanyak 15 kerusi dipertandingkan dalam pilihan raya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) yang pertama kali diadakan oleh kolej berkenaan Khamis ini.

Menurut Dekan hal Ehwal Pelajar (HEP) KUTKM, Prof. Madya Dr. Su'aidi Safei dalam satu kenyataan hari ini, jumlah itu mewakili 2.89 peratus daripada keseluruhan 519 pelajar kolej tersebut bagi sesi 20012002 yang akan mengundi.

Kata beliau, daripada jumlah tersebut, sebanyak 13 kerusi (2.5 peratus) dipertandingkan, terbahagi kepada empat kerusi umum (keseluruhan) dan sembilan kerusi kawasan fakulti.

Beliau menjelaskan, sembilan kerusi tersebut meliputi tiga kerusi bagi setiap fakulti iaitu Elektrik, Elektronik dan Teknologi Maklumat manakala baki dua kerusi untuk lantikan sebagai senator daripada dua fakulti yang tidak bertanding (Mekanikal dan Pembuatan).

Dr. Su'aidi berkata, calon-calon berdaftar selepas hari penamaan calon pada 27 Disember lalu sebanyak 27 orang yang terdiri daripada sembilan calon umum dan 18 calon fakulti.

Jelas beliau, statistik menunjukkan penyertaan pelbagai bangsa untuk merebut kerusi dalam keseluruhan pilihan raya tersebut iaitu 19 Melayu, lima Cina dan tiga India.

(Source : Utusan Malaysia)